

Sukan Pendekatan Paling Berkesan Kukuhkan Semangat Perpaduan

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Musa Hj Aman berkata, aktiviti sukan adalah pendekatan paling berkesan mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan berbilang kaum dan agama di negara ini.

Sehubungan dengan itu, katanya kerajaan sentiasa memberi galakan dan sokongan terhadap aktiviti sukan dan rekreasi kerana ia bukan sahaja mampu menyumbang ke arah peningkatan kualiti kesihatan fizikal dan mental tetapi berupaya memantapkan perpaduan.

"Sejarah telah membuktikan bahawa penganjuran beberapa kejohanan sukan di peringkat dunia seperti Sukan Olimpik dan Piala Dunia telah berjaya menyatukan seluruh masyarakat dunia, bahkan turut berjaya menenggelamkan perasaan dendam kesumat yang selama ini membelenggu beberapa negara bermusuhan dari segi politik."

"Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada semua kontinjen yang mengambil bahagian dalam kejohanan sukan ini agar menjadikannya sebagai wahana terbaik untuk menjalin semangat perpaduan dan setiakawan antara sesama sendiri di samping meningkatkan jaringan kerjasama bagi memantapkan lagi hubungan kerja di pejabat," katanya semasa merasmikan Kejohanan Sukan Muhibbah Empat

Penjuru 2010 di Stadium Universiti Malaysia Sabah pada 26 Mac lalu. Teks ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Belia dan Sukan, Datuk Peter Pang En Yin.

Mengenai kejohanan itu, Musa percaya ianya berupaya memupuk semangat kerja berasukan selain akan menjadi galakan kepada semua peserta membudayakan gaya hidup sihat melalui aktiviti bersukan.

"Saya berharap agar pembudayaan gaya hidup sihat melalui bersukan tidak hanya berlaku semasa satu-satu kejohanan sukan sebaliknya perlu dijadikan amalan dalam kehidupan seharian supaya kualiti kesihatan yang baik dapat dinikmati sepanjang masa seterusnya menjamin kualiti kerja yang memuaskan," katanya.

Kejohanan tersebut melibatkan pertandingan empat penjuru melinatkan Jabatan Ketua Menteri (JKM), Yayasan Sabah (YS), Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan UMS. Sukan itu mempertandingkan lapan jenis sukan iaitu golf (VIP dan terbuka), bola sepak Sembilan sebelah, bola jaring, badminton, boa tampar (lelaki dan wanita), dart, boling (lelaki dan wanita), dan futsal (lelaki dan wanita) serta acara karaoke dan KUGIRAN.

